*What is the colour of sulphur?*

[1 markah]  
[1 mark]

(b) Hitungkan :  
Calculate :

- (i) Jisim sulfur terhasil di akhir tindak balas.  
[Jisim atom relatif : S=32]  
*The mass of sulphur formed at the end of the reaction.*  
[Relative atomic mass: S=32]

[3 markah]  
[3 marks]

- (ii) Sekiranya tanda 'X' tidak lagi kelihatan selepas 16 saat, tentukan kadar tindak balas bagi eksperimen ini  
*If the 'X' mark disappears after 16 seconds, determine the rate of reaction for this experiment.*

[1 markah]  
[1 mark]

- (c) Jika eksperimen diulang menggunakan larutan natrium tiosulfat yang dipanaskan sehingga 45°C dan keadaan lain dikekalkan.  
*If the experiment is repeated using sodium thiosulphate solution heated to 45 °C and other conditions are maintained.*

- (i) Ramalkan masa yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan.  
*Predict the time taken for the 'X' mark to be invisible.*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]


- (ii) Nyatakan satu faktor lain yang boleh mengubah kadar tindak balas dalam eksperimen ini.  
*State one other factor that can change the rate of reaction in this experiment.*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

**Contoh 8**  
**Example 8**

4. Tindak balas kimia boleh dikelaskan kepada tindak balas endotermik dan tindak balas eksotermik. Rajah 4.1 menunjukkan pemecahan dan pembentukan ikatan antara atom-atom oksigen. Semasa pembentukan ikatan ganda dua antara atom oksigen,  $498 \text{ kJ mol}^{-1}$  tenaga dibebaskan, manakala ketika pemecahan ikatan tersebut,  $498 \text{ kJ mol}^{-1}$  tenaga telah diserap.

*Chemical reaction can be classified into endothermic reaction and endothermic reaction. Diagram 4.1 shows the breaking down and formation of bonds between oxygen atoms. During the formation of a double bond between oxygen atoms,  $498 \text{ kJ mol}^{-1}$  energy is released, while during the breaking of the bond,  $498 \text{ kJ mol}^{-1}$  energy is absorbed.*



Rajah 4.1  
Diagram 4.1

- (a) Berdasarkan Rajah 4.1  
Based on Diagram 4.1

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan tindak balas eksotermik?  
*What is meant by exothermic reaction?*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (ii) Apakah jenis tindak balas yang berlaku semasa pembentukan molekul oksigen dan terangkan perbezaan perubahan tenaga haba semasa pemecahan dan pembentukan ikatan.  
*What is the type of reaction that takes place during the formation of oxygen molecules and explain the difference of heat energy change during the breaking and formation of bond.*

.....  
[2 markah]  
[2 marks]



- (iii) Tulis persamaan termokimia semasa pembentukan molekul oksigen.  
*Write the thermochemical equation during the formation of oxygen molecule.*

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Rajah 4.2 menunjukkan satu pek sejuk yang digunakan untuk meredakan kesakitan supaya aliran darah kurang dialirkan ke kawasan yang sakit. Bahan kimia yang digunakan untuk menyediakan pek sejuk ialah ammonium nitrat selain daripada air. *Diagram 4.2 shows a cold pack that used to relieve pain so that blood flow is less directed to the sick area. The chemical used to prepare the cold pack is ammonium nitrate other than water.*



Rajah 4.2  
*Diagram 4.2*

Berdasarkan Rajah 4.2, terangkan bagaimana pek sejuk berfungsi.  
*Based on Diagram 4.2, explain how the cold pack works.*

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

[3 marks]

**Contoh Soalan 5**  
**Example Question 5**

**Contoh 9**  
**Example 9**

5. Jadual 5.1 dibawah menunjukkan bilangan proton bagi unsur nitrogen, N dan hidrogen, H  
*The table 5.1 shows the number of proton for the elements nitrogen, N and hydrogen, H.*

<b>Unsur Element</b>	<b>Nombor proton Proton number</b>
Nitrogen, N <i>Nitrogen, N</i>	7
Hidrogen, H <i>Hydrogen, H</i>	1

Jadual 5.1  
*Table 5.1*

- (a) Nitrogen, N dan hidrogen, H bertindak balas membentuk satu sebatian.  
*Nitrogen, N and hydrogen, H react to form a compound*

- (i) Tulis susunan elektron bagi atom nitrogen  
*Write the electron arrangement of nitrogen atom*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (ii) Nyatakan nama ikatan dalam sebatian yang terbentuk.  
*State the name of the bond in the compound formed.*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (iii) Tuliskan persamaan kimia seimbang bagi tindak balas yang berlaku.  
*Write a balanced chemical equation for the reaction that takes place.*

.....  
[2 markah]  
[2 marks]

- (b) Terdapat beberapa fenomena dalam kehidupan seharian yang berkait rapat dengan ikatan hidrogen. Terangkan bagaimana wujudnya ikatan hidrogen antara selulosa kertas dengan molekul air,  $H_2O$  pada hujung jari.

*There are some phenomena in daily life that are closely related to hydrogen bond. Explain how a hydrogen bond exists between the cellulose of the paper and the water molecule,  $H_2O$  at the fingertips.*

.....

.....

.....

[2 markah]  
[2 marks]

- (c) Jadual 5.2 menunjukkan perbandingan takat lebur bagi etanol dan klorin.  
*Table 5.2 shows a comparison of melting points for ethanol and chlorine.*

Bahan <i>Substance</i>	Takat didih ( $^{\circ}C$ ) <i>Boiling point (<math>^{\circ}C</math>)</i>	Jenis ikatan dalam molekul <i>Types of bonds in molecules</i>
Etanol, $C_2H_5OH$ Ethanol, $C_2H_5OH$	78.0	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ikatan kovalen <i>Covalent bond</i></li> <li>Ikatan hidrogen <i>Hydrogen bond</i></li> </ul>
Klorin, $Cl_2$ Chlorine, $Cl_2$	- 35.0	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ikatan kovalen <i>Covalent bond</i></li> </ul>

Jadual 5.2  
*Table 5.2*

Terangkan mengapa terdapat perbezaan takat didih etanol dan klorin.  
*Explain why there is a difference in the boiling point of ethanol and chlorine.*

.....

.....

.....

[2 markah]  
[2 marks]

Imbas Saya




Maklum Balas Murid



**Contoh 10**  
**Example 10**

5. Rajah 5.1 menunjukkan susunan radas bagi mengkaji tindak balas redoks dalam tindak balas penyusunan halogen.

*Diagram 5.1 shows apparatus set up to study redox reaction in halogen displacement reaction.*



Rajah 5.1  
Diagram 5.1

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan tindak balas redoks?  
*What is mean by redox reaction?*

.....  
.....

[1 markah]  
[1 mark]

- (b) Nyatakan warna lapisan bawah di dalam tabung uji selepas 1,1,1-trikloroetana dicampurkan ke dalam tabung uji A dan kemudian digoncangkan?  
*State the colour of the bottom layer in the test tube after 1,1,1-trichloroethane is added to the test tube A and shaken.?*

.....  
.....

[1 markah]  
[1 mark]

- (c) Tulis setengah persamaan pengoksidaan dan penurunan bagi eksperimen di atas?  
*Write the half equation of oxidation and reduction for the above experiment?*

.....  
.....

[2 markah]  
[2 marks]

- (d) Sekiranya eksperimen diulang dengan menggantikan air klorin dengan larutan iodin. Nyatakan warna larutan dalam 1,1,1-trikloroetana. Jelaskan.  
*If the experiment is repeated by replacing chlorine water with iodine solution. State the colour of the solution in 1,1,1-trichloroethane. Explain.*


.....

.....

.....

[2 markah]  
[2 marks]

- (e) Eksperimen di dalam tabung uji A diulang seperti di bawah.  
*Experiment in test tube A is repeated as bellow.*



Rajah 5.2  
Diagram 5.2

Apabila elektrod karbon dicelup ke dalam larutan di dapati jarum galvanometer terpesong.  
Terangkan situasi ini.  
*When carbon electrode dipped in the solution, galvanometer needle is reflected. Explain this situation?.*

.....

.....


.....

[2 markah]  
[2 marks]

**Contoh Soalan 6**  
**Example Question 6**

**Contoh 11**  
**Example 11**

6. Rajah 6.1 menunjukkan bijih logam malakit. Malakit mengandungi sejenis garam tak terlarutkan, P yang menyebabkan malakit menjadi bijih yang berwarna hijau.  
*Diagram 6.1 shows a malachite metal ore. Malachite contains a insoluble salt, P which causes malachite to become a green ore.*



Rajah 6.1  
Diagram 6.1

- (a) Namakan tindak balas penghasilan garam tak terlarutkan di dalam makmal.  
*Name of the reaction for the production of insoluble salt in the laboratory.*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (b) Garam P yang terdapat dalam malakit dipanaskan dengan kuat akan meninggalkan baki pepejal berwarna hitam dan membebaskan gas yang tak berwarna.  
*The P salt found in malachite heated strongly will leave a solid black residue and release a colourless gas.*

- (i) Namakan garam P  
*Name the salt P*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (ii) Tuliskan persamaan kimia bagi pemanasan sebatian ini  
*Write the chemical equation for heating this compound*


.....  
[2 markah]  
[2 marks]

- (iii) Lukiskan susunan alat radas berlabel yang digunakan untuk menguji gas yang terbebas semasa pemanasan garam P.  
*Draw the arrangement of the labeled apparatus used to test the gas released during the P salt heating.*

[2 markah]  
[2 marks]

- (c) Rajah 6.2 menunjukkan satu siri tindak balas antara  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  natrium karbonat dengan  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  kuprum(II) sulfat. Dalam setiap tabung uji mendakan berwarna hijau terbentuk.  
*Diagram 6.2 show a series of reaction between  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  sodium carbonate with  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  copper(II) sulphate. In each test tube green colour precipitate is forms*

Mendakan berwarna hijau  
*Green colour precipitate*



Rajah 6.2  
Diagram 6.2

Jadual 6.3 menunjukkan hasil pemerhatian dan keputusan eksperimen.

*Table 6.3 shows the observation and results for the experiment*

Tabung uji <i>Test tube</i>	Isipadu larutan Natrium karbonat (cm <sup>3</sup> ) <i>Volume of sodium carbonate solution (cm<sup>3</sup>)</i>	Isipadu larutan Kuprum(II) sulfat (cm <sup>3</sup> ) <i>Volume of copper(II) sulphate solution (cm<sup>3</sup>)</i>	Tinggi mendakan (cm) <i>Height of precipitate (cm)</i>	Warna larutan atas mendakan <i>Colour of solution above the precipitate</i>
A	5.0	25.0	1.0	Biru <i>Blue</i>
B	10.0	25.0	1.5	Biru <i>Blue</i>
C	15.0	25.0	2.0	Biru <i>Blue</i>
D	20.0	25.0	2.5	Biru <i>Blue</i>
E	25.0	25.0	3.0	Tidak berwarna <i>Colourless</i>
F	30.0	25.0	3.0	Tidak berwarna <i>Colourless</i>

Jadual 6.3

*Table 6.3*

Pada pendapat anda kenapa warna larutan atas mendakan bagi tabung uji A hingga D adalah biru, manakala bagi tabung uji E dan F tidak berwarna dalam Rajah 6.2.

*In your opinion why the colour of the solution above the precipitate for test tubes A to D is blue, while for test tubes E and F are colourless in Diagram 6.2.*

.....

.....

.....

.....

.....


[3 markah]

[3 marks]



Contoh 12  
Example 12


6. (a) Rajah 6.1 menunjukkan satu Proses X untuk menghasilkan nilon secara komersial.  
*Diagram 6.1 shows an X Process for producing nylon commercially*




Rajah 6.1  
Diagram 6.

- (i) Nyatakan jenis proses X  
*State the type of Process X*
- .....
- [1 markah]  
[1 mark]
- (ii) Nilon adalah satu polimer sintetik. Nyatakan 2 ciri yang menyebabkan polimer sintetik lebih baik berbanding polimer semulajadi.  
*Nylon is a synthetic polymer. State 2 characteristics that make synthetic polymers better than natural polymers.*
- .....
- .....
- .....
- [2 markah]  
[2 marks]

- (b) Rajah 6.2 menunjukkan 2 jenis molekul agen pencuci yang berlainan, P dan Q  
*Diagram 6.2 shows 2 different types of cleaning agent molecules, P and Q*



Agen pencuci P  
*Cleaning agent P*



Agen pencuci Q  
*Cleaning agent Q*

Rajah 6.2  
*Diagram 6.2*

- (i) Namakan agen pencuci P dan Q  
*Name the cleaning agents P and Q*

Agen Pencuci P : .....  
*Cleaning agent P*

Agen Pencuci Q : .....  
*Cleaning agent Q*

[2 markah]  
[2 marks]

- (ii) Seorang pelajar menggunakan agen pencuci P dan air laut untuk mencuci kesan gris pada pakaiannya tetapi kesan gris tidak dapat dibersihkan. Terangkan bagaimana anda dapat membantu pelajar tersebut menyelesaikan masalahnya.  
*A student used cleaning agent P and seawater to wash the grease stains on his clothes but the grease stains could not be cleaned. Explain how you can help the student solve the problem.*

.....

.....

.....

.....

.....


.....

[4 markah]  
[4 marks]

Contoh Soalan 7  
Example Question 7

Contoh 13  
Example 13

7. Rajah 7 menunjukkan perwakilan piawai bagi dua atom, P dan Q  
*Figure 7 shows a standard representation of two atoms, P and Q*



Rajah 7  
Diagram 7

- (a) Unsur P dan Q berada dalam satu kumpulan yang sama dalam Jadual Berkala Unsur.  
*Elements P and Q are in the same group in the Periodic Table of the Elements.*

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan kumpulan?  
*What is meant by group*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (ii) Kumpulan manakah P dan Q diletakkan di dalam Jadual Berkala Unsur dan jelaskan mengapa?  
*Which groups P and Q are placed in the Periodic Table of the Elements and explain why?*

.....  
.....  
.....  
[2 markah]  
[2 marks]



- (b) 2.3 g unsur Q diletakkan di dalam air, terdapat gas tak berwarna dibebaskan.  
 2.3 g of element Q is placed in water, there is a colourless gas released.  
 [Jisim molar bagi Q = 23 g mol<sup>-1</sup>, isipadu molar gas pada suhu bilik=24 dm<sup>3</sup>]  
 [Molar mass for Q = 23 g mol<sup>-1</sup> , molar volume of gas at room temperature = 24 dm<sup>3</sup>]

- (i) Tuliskan persamaan kimia bagi tindakbalas di (b)  
 Write the chemical equation for the reaction in (b)

.....  
 [2 markah]  
 [2 marks]

- (ii) Jika gas yang terbebas semasa tindak balas dikumpulkan, hitungkan isipadu gas tersebut pada keadaan bilik.  
 If the gas released during the reaction is collected, calculate the volume of the gas at room condition.


[3 markah]  
 [3 marks]

- (c) Tindak balas di (b) diulang dengan menggunakan unsur P. Di dapati tindak balas P dengan air kurang reaktif berbanding unsur Q. Jelaskan mengapa kereaktifan tindakbalas tersebut berbeza?  
 The reaction in (b) is repeated using element P. It is found that the reaction of P with water is less reactive than that of element Q. Explain why the reactivity of the reaction is different?

.....  
 .....  
 .....  
 [2 markah]  
 [2 marks]

Contoh 14  
Example 14

7. (a) Rajah 7.1 menunjukkan empat contoh bahan buatan dalam industri.  
*Diagram 7.1 shows four examples of manufactured materials in industry.*



Rajah 7.1  
Diagram 7.1

- (i) Nyatakan nama bahan buatan P dan Q.  
*State the name the manufacture material of P and Q.*

P : .....

Q : .....

[2 markah]  
[2 marks]

- (ii) Lukis gambar rajah berlabel susunan atom dalam gangsa.  
*Draw a diagram labeled the arrangement of atoms in bronze*

[2 markah]

[2 marks]

- (iii) Topi keledar merupakan kaca gentian yang dihasilkan daripada plastik yang diperkukuhkan dengan gentian kaca.  
Berikan satu sifat kaca gentian berbanding plastik.  
*A helmet is a fiberglass made of plastic reinforced with fiberglass.  
Give one property of fiberglass compared to plastic.*

[1 markah]

[1 mark]

- (iv) Berikan satu sifat yang boleh membandingkan kegunaan bekas kaca dengan radas kaca makmal.  
*Give one property that can compare the uses of glass containers from laboratory glass apparatus.*

[1 markah]

[1 mark]

- (v) Apakah jenis kaca yang digunakan untuk membuat radas kaca makmal?  
*What type of glass is used to make laboratory glass apparatus?*

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Puan Amira dan anaknya, Aleeya ingin membuat kek pandan. Mereka berbincang tentang apakah bahan yang sesuai digunakan untuk menaikan warna hijau pada kek tersebut.

*Puan Amira and her daughter, Aleeya want to make pandan cake. They discussed what appropriate ingredients were used to raise the green color on the cake*

Aleeya : Ibu, bolehkah kita gunakan pewarna makanan X ini sebagai bahan tambah kepada kek kita?  
*Mom, can we use this food colouring X as an additive to our cake?*

Puan Amira : Boleh. Tetapi kita harus mematuhi kuantiti penggunaan bahan tambah makanan yang diluluskan dan menggunakan bahan dibenarkan.  
*Yes. But we must adhere to the quantity of approved food additives consumption and use of permitted ingredients.*

Rajah 7.2  
Diagram 7.2

- (i) Namakan bahan pewarna makanan X.  
*Name the food colouring X*

.....  
[1 markah]  
[1 mark]

- (ii) Wajarkan menggunakan pewarna makanan sebagai bahan tambah makanan dalam pembuatan kek.  
*Justify using food colouring as a food additive in cake making.*

.....  
.....  
.....  
[2 markah]  
[2 marks]




Soalan 8  
Question 8

Contoh 15  
Example 15

8. (a) Rajah 8.1 menunjukkan satu larutan piawai bagi asid oksalik,  $C_2H_2O_4$   
Figure 8.1 shows a standard solution for oxalic acid,  $C_2H_2O_4$

500 cm<sup>3</sup> asid oksalik 2.0 mol dm<sup>-3</sup>  
500 cm<sup>3</sup> of 2.0 mol dm<sup>-3</sup> oxalic acid



Rajah 8.1  
Diagram 8.1

- (i) Apakah maksud larutan piawai?  
What is meant by standard solution ?

.....  
.....

[1 markah]  
[1 mark]

- (ii) Nyatakan satu sifat kimia bagi asid  
State one of chemical properties of acid

.....  
.....


[1 markah]  
[1 mark]



- (iii) Tentukan jisim asid oksalik yang diperlukan untuk menyediakan larutan piawai yang ditunjukkan dalam Rajah 8.1  
 [Jisim atom relatif : H=1, C-12, O=16]  
*Determine the mass of oxalic acid required to prepare the standard solution shown in Diagram 8.1*  
 [Relative atomic mass: H=1, C-12, O=16]

[3 markah]  
 [3 marks]

- (b) Rajah 8.2 menunjukkan dua eksperimen yang dijalankan bagi mengkaji sifat asid oksalik yang dijalankan dalam makmal.  
*Figure 8.2 shows two experiments are carried out to study the properties of oxalic acid conducted in the laboratory.*



Rajah 8.2  
 Diagram 8.2

- (i) Nyatakan perubahan yang dapat diperhatikan pada kertas litmus merah dalam kedua-dua tabung uji.  
*State the observable changes on the red litmus paper in both test tubes.*

Tabung uji A : .....  
 Test tube A

Tabung uji B : .....  
 Test tube B

[2 markah]  
 [2 marks]

- (iii) Apabila pita magnesium dimasukkan ke dalam tabung uji B, didapati gas tanpa warna dibebaskan.

Namakan gas yang terbebas itu.

Huraikan secara ringkas ujian kimia bagi gas yang terbebas.

*When a piece of magnesium strip is inserted into test tube B, colourless gas is released.*

*Name the gas released.*

*Describe briefly the chemical test for the gas released.*

.....

.....

.....

.....

[3 markah]


[3 marks]

**Contoh 16**

**Example 16**

8. Rajah 8.1 menunjukkan pertukaran but-2-ena kepada hidrokarbon Y melalui Proses X pada 180 °C dengan kehadiran nikel sebagai mangkin.

*Diagram 8.1 shows the conversion of but-2-ene to hydrocarbon Y through Process X at 180 °C with the presence of nickel as a catalyst.*



Rajah 8.1  
Diagram 8.1

- (a) Namakan proses X.  
*Name process X.*

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Tuliskan persamaan kimia untuk mewakili proses X.

*Write the chemical equation to represent process X.*

[1 markah]

[1 mark]

- (c) 28 g but-2-ena terbakar dengan lengkap dalam oksigen.


Persamaan kimia di bawah menunjukkan pembakaran but-2-ena.

[Jisim Atom Relatif: C=12, O = 16, H = 1; Isi padu molar gas = 24 dm<sup>3</sup> mol pada keadaan bilik]

*28 g of but-2-ene is completely burnt in oxygen.*

*The chemical equation below shows the combustion of but-2-ene.*

[Relative atomic mass: C=12, O = 16, H = 1; Molar volume of gas = 24 dm<sup>3</sup> mol at room condition]



- (i) Hitungkan bilangan mol but-2-ena yang terbakar.

*Calculate the number of moles of but-2-ene burnt.*

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) Hitungkan isi padu gas karbon dioksida yang terhasil.

*Calculate the volume of carbon dioxide gas produced.*

[2 markah]

[2 marks]

- (d) Terangkan satu ujian kimia bagi membezakan but-2-ena dan hidrokarbon Y.  
*Describe a chemical test to differentiate but-2-ene and hydrocarbon Y.*

.....

.....

.....

.....

[3 markah]  
[3 marks]

- (e) But-2-ena dan Y adalah hidrokarbon. Bandingkan pemerhatian apabila larutan kalium manganat(VII) berasid ditambahkan ke dalam But-2-ena dan hidrokarbon Y. Terangkan jawapan anda.  
*But-2-ene and Y are hydrocarbons. Compare the observation when acidified potassium manganate(VII) solution is added into But-2-ene and hydrocarbon Y. Explain your answer.*

.....

.....

.....

.....

[2 markah]  
[2 marks]

Imbas Saya



Maklum Balas Murid






Contoh Soalan 9  
Sample Question 9

Contoh 17  
Example 17

9. (a) Apakah maksud ikatan logam?  
*What is the meaning of metal bonds ?*

[2 markah]  
[2 marks]

- (b) Simbol atom bagi unsur X, Y dan Z ditunjukkan dalam Rajah 9.1  
*The atomic symbols for the elements X, Y and Z are shown in Figure 9.1*



Rajah 9.1  
Diagram 9.1

- (i) Tuliskan susunan elektron bagi
- Atom X
  - Ion Z
- Write the electron arrangement of*
- Atom X
  - Ion Z

[2 markah]  
[2 marks]

- (ii) Y dan X boleh membentuk satu sebatian.  
Huraikan bagaimana sebatian itu terbentuk dan lukiskan susunan elektron bagi sebatian tersebut.  
*Y and X can form a compound.*  
*Describe how the compound is formed and draw the electron arrangement for the compound formed*

[6 markah]  
[6 marks]

- (c) Zamani dan rakan-rakannya menjalankan eksperimen bagi mengkaji sifat sebatian ion dan sebatian kovalen. Jadual 9.2 menunjukkan keputusan eksperimen tersebut *Zamani and his friends conducted an experiment to study the properties of ionic and covalent compounds. Table 9.2 shows the result of the experiment*

Sebatian <i>Compound</i>	Keadaan Fizik <i>Physical statement</i>	Kekonduksian Elektrik <i>Electrical conduction</i>	Takat Lebur <i>Melting point °C</i>
Plumbum(II) bromida <i>Lead(II) bromide</i>	Pepejal <i>Solid</i>	Mentol tidak menyala <i>Bulb does not light up</i>	373°C
	Leburan <i>Molten</i>	Mentol menyala <i>Bulb light up</i>	
Naftalena <i>Naphtalene</i>	Pepejal <i>Solid</i>	Mentol tidak menyala <i>Bulb does not light up</i>	80°C
	Leburan <i>Molten</i>	Mentol tidak menyala <i>Bulb does not light up</i>	

Jadual 9.2

Table 9.2

Berdasarkan maklumat di atas, huraikan perbezaan pada keputusan eksperimen tersebut.


*Based on the above information, describe the differences in the results of the experiment.*

[10 markah]

[10 marks]

**Contoh 18**  
**Example 18**

9. (a) Rajah 9.1 menunjukkan formula struktur bagi sebatian X  
*Diagram 9.1 shows the structural formulae of compound X.*



Rajah 9.1  
*Diagram 9.1*

Sebatian X terbakar lengkap dalam oksigen berlebihan menghasilkan gas Y dan air.

- Namakan sebatian X dan gas Y.
- Nyatakan ujian pengesahan bagi gas Y.

*Compound X burns completely in excess oxygen to produced gas Y and water.*

- *Named compound X and gas Y.*
- *State an identify of gas Y.*

[4 markah]  
[4 marks]

- (b) Maklumat berikut adalah mengenai suatu sebatian organik Z  
*The following information is about an organic compound Z*

Karbon	: 85.71 %
<i>Carbon</i>	
Hidrogen	: 14.29 %
<i>Hydrogen</i>	
Jisim molekul relatif	: 56
<i>Relative molecular mass</i>	
Jisim atom relatif	: H=1; C=12
<i>Relative atomic mass</i>	

Berdasarkan maklumat di atas:

*Based on the information above:*

Tentukan formula molekul bagi Z

*Determine the molecular formula of Z*

[6 markah]  
[6 marks]

- (c) Jadual 9.2 menunjukkan sifat-sifat bagi tiga sebatian organik. Setiap sebatian mempunyai tiga atom karbon per molekul  
*Table 9.2 shows the properties of three organic compounds. Each compound has three carbon atoms per molecules*

Sebatian Compound	Sifat Properties
P	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Larut dalam air <i>Soluble in water</i></li> <li>- Terbakar dengan nyalaan biru dalam oksigen berlebihan menghasilkan karbon dioksida dan air <i>Burn with blue flame in excess oxygen to form carbon dioxide and water</i></li> </ul>
Q	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak larut dalam air <i>Insoluble in water</i></li> <li>- Melunturkan warna perang air bromin <i>Decolourised brown colour of bromine water</i></li> </ul>
R	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Larut dalam air <i>Soluble in water</i></li> <li>- Bertindak balas dengan kalsium karbonat menghasilkan gas yang menukarkan air kapur menjadi keruh <i>Reacts with calcium carbonate to produce a type of gas that turns lime water cloudy</i></li> </ul>

Jadual 9.2  
 Table 9.2

Sebatian P,Q dan R adalah tiga siri homolog yang berbeza.  
 Nyatakan satu ciri bagi siri homolog  
 Bina satu jadual untuk menunjukkan formula umum, kumpulan berfungsi dan formula struktur sebatian P,Q dan R.

*Compound P,Q and R are three different homologous series.  
 State one characteristic of homologous series.  
 Construct a table to show the general formula, the functional group, the structural formula of compound P,Q and R*

[10 markah]  
 [10 marks]



Contoh Soalan 10  
Example Question 10

Contoh 19  
Example 19

10. (a) Makanan yang disimpan dalam peti sejuk tahan lebih lama daripada makanan yang disimpan dalam almari dapur.  
Terangkan jawapan anda  
*Food stored in a refrigerator lasts longer than food stored in a kitchen cabinet.  
Explain your answers.*

[4 markah]  
[4 marks]

- (b) Sekumpulan murid menjalankan dua set eksperimen untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kadar tindakbalas di antara serbuk zink dan asid hidroklorik, HCl. Keputusan eksperimen adalah seperti Jadual 10.  
*A group of students carried out two sets of experiments to investigate the factor affecting the rate of reaction between zinc powder and hydrochloric acid, HCl. The result of experiments are shown in a Table 10.*

Set I	Bahan tindak balas Reactants	Isi padu gas terbebas dalam masa 2 minit pertama / $\text{cm}^3$ <i>Volume of hydrogen gas released in the first 2 minutes / <math>\text{cm}^3</math></i>
I	100 $\text{cm}^3$ asid hidroklorik 0.1 $\text{mol dm}^{-3}$ + serbuk zink berlebihan <i>100 <math>\text{cm}^3</math> of 0.1 <math>\text{mol dm}^{-3}</math> hydrochloric acid + excess zinc powder</i>	40
II	100 $\text{cm}^3$ asid hidroklorik 0.1 $\text{mol dm}^{-3}$ + serbuk zink berlebihan + bahan X <i>100 <math>\text{cm}^3</math> asid hidroklorik 0.1 <math>\text{mol dm}^{-3}</math> + excess zinc powder + substances X</i>	60

Jadual 10  
Table 10

- (i) Dengan kehadiran bahan X dalam Set II, isipadu gas yang terbebas dalam dua minit pertama adalah lebih tinggi berbanding Set I.  
Nyatakan **satu** bahan yang boleh digunakan sebagai bahan X dan apakah faktor yang terlibat dalam eksperimen ini..  
*In the presence of substance X in Set II, the higher volume of gas is released in the first two minutes compared to Set I.  
State **one** substance that can be used as substance X and what are the factors involved in this experiment.*

[2 markah]  
[2 marks]

- (ii) Hitungkan kadar tindak balas purata bagi Set I dan Set II.  
Bandingkan kadar tindak balas antara Set I dan Set II berdasarkan teori perlanggaran.  
*Calculate the average rate of reaction for Set I and Set II.  
Compare the reaction rates between Set I and Set II based on collision theory.*  
[7 markah]  
[7 marks]
- (iii) Sekiranya eksperimen Set I diulangi dengan menggantikan asid hidroklorik dengan asid sulfurik dengan kepekatan dan isipadu yang sama dan dilabelkan sebagai Set III.  
Bandingkan kadar tindakbalas Set III dengan Set I menggunakan teori perlanggaran dan tuliskan persamaan kimia bagi tindakbalas terlibat.  
*If the Set I experiment is repeated by substituting hydrochloric acid with sulfuric acid of the same concentration and volume and label as Set III.  
Compare the rate of Set III with Set I using collision theory and write the chemical equation for the reaction involved.*  
[7 markah]  
[7 marks]

Imbas Saya





Maklum Balas Murid



Contoh 20  
Example 20

10. Dua set eksperimen dijalankan untuk mengkaji kesan logam lain terhadap pengaratan besi. Jadual 10 menunjukkan susunan radas dan pemerhatian eksperimen  
*Two sets of an experiment is carried out to study the effect of other metals on rusting of iron. Table 10 shows the apparatus-setup and observation of the experiments*

Set Set	Eksperimen <i>Experiment</i>	Pemerhatian <i>Observation</i>
I	 <p>Paku besi <i>Iron nail</i></p> <p>Lilitan logam P <i>Coil of metal P</i></p> <p>Agar-agar panas + fenolftalein + larutan kalium heksasianoferat(III), <math>K_3Fe(CN)_6</math> <i>Hot jelly + phenolphthalein + potassium solution hexacyanoferrate (III), <math>K_3Fe(CN)_6</math></i></p>	Warna biru tua terbentuk <i>Dark blue colour formed</i>
II	 <p>Paku besi <i>Iron nail</i></p> <p>Lilitan logam Q <i>Coil of metal Q</i></p> <p>Agar-agar panas + fenolftalein + larutan kalium heksasianoferat(III), <math>K_3Fe(CN)_6</math> <i>Hot jelly + phenolphthalein + potassium solution hexacyanoferrate (III), <math>K_3Fe(CN)_6</math></i></p>	Warna merah jambu terbentuk <i>Pink colour formed</i>

Jadual 10  
*Table 10*

- (a) Mengapa logam dan paku besi perlu dibersihkan sebelum dicelupkan ke dalam agar-agar panas yang dicampurkan dengan larutan kalium heksasianoferat (III) dan nyatakan fungsi larutan kalium heksasianoferat (III)?  
*Why do metals and iron nails need to be cleaned using sandpaper before being dipped into hot agar mixed with potassium hexacyanoferrate (III) solution and state the function of potassium hexacyanoferrate (III) solution?*

[2 markah]  
[2 marks]


- (b) Berdasarkan pemerhatian,  
*Based on the observation,*
- (i) cadangkan logam P dan logam Q.  
*suggest metal P and metal Q.*
- [2 markah]  
[2 marks]
- (ii) Dalam setiap eksperimen, terangkan pemerhatian dan sertakan setengah persamaan. Nyatakan juga logam yang dioksidakan.  
*In each experiment, explain the observations and include the half equation. State the metal that is oxidised.*
- [10 markah]  
[10 marks]
- (c) Dalam industri pengeluaran makanan, kepingan keluli disadur dengan timah sebelum digunakan untuk membuat tin makanan. Terangkan mengapa kita dilarang membeli makanan dalam tin yang kemik?  
*In the food manufacturing industry, steel plates are plated with tin before being used to make food cans. Explain why we would not buy dented canned food?.*
- [4 markah]  
[4 marks]
- (d) Penggalvanian merupakan satu kaedah menghalang besi daripada berkarat terutama bagi penggunaan atap rumah. Terangkan kaedah ini?  
*Galvanisation is one of the method to prevent iron from rust especially for roof. Explain this method?*
- [2 markah]  
[2 marks]



Contoh Soalan 11  
Example Question 11

Contoh 21  
Example 21

11. (a) Rajah 11.1 menunjukkan baja ammonium nitrat. Ammonium nitrat adalah sejenis garam terlarutkan dan boleh disediakan didalam makmal.  
*Diagram 11.1 shows ammonium nitrate fertilizer. Ammonium nitrate is a soluble salt and can be prepared in the laboratory.*




Rajah 11.1  
Diagram 11.1

- (i) Cadangkan satu kaedah bagaimana garam ammonium nitrat dapat disediakan dalam makmal serta namakan dua garam nitrat lain yang boleh disediakan menggunakan kaedah yang sama.  
*Suggest a method of how ammonium nitrate salt can be prepared in the laboratory and name two other nitrate salts that can be prepared using the same method.*

[3 markah]  
[3 marks]

[4 markah]  
[4 marks]

- (b) Rajah 11.2 menunjukkan satu carta pai yang menunjukkan kandungan ion yang terdapat dalam sebatang sungai yang telah dicemari dengan air sisa pertanian dan terdapat mendakan yang termendak di dasar sungai tersebut.  
*Diagram 11.2 shows a pie chart showing the ion content found in a river that has been contaminated with agricultural wastewater and there is precipitate deposited at the bottom of the river.*




Rajah 11.2  
Diagram 11.2

- (i) Apakah mendakan yang termendak didasar sungai?  
Namakan mendakan tersebut  
*What is the precipitate that is deposited at the bottom of the river?  
Name the precipitate.*
- [2 markah]  
[2 marks]
- (ii) Air sungai tersebut tidak sesuai digunakan untuk mencuci pakaian bersama sabun. Jelaskan mengapa.  
*The river water is not suitable for washing clothes with soap. Explain why.*
- [3 markah]  
[3 marks]
- (iii) Sebagai seorang pelajar kimia, cadangkan bagaimana anda dapat menjalankan beberapa ujian untuk mengesahkan kehadiran ion  $\text{Mg}^{2+}$ ,  $\text{NH}_4^+$  dan  $\text{SO}_4^{2-}$  didalam makmal sekolah.  
*As a chemistry student, suggest how you could run some tests to confirm the presence of  $\text{Mg}^{2+}$ ,  $\text{NH}_4^+$  and  $\text{SO}_4^{2-}$  ions in a school laboratory.*
- [8 markah]  
[8 marks]

Contoh 22  
Example 22

11. (a) Rajah 11.1 menunjukkan aktiviti pelajar dalam makmal untuk menentukan jenis tindak balas kimia berdasarkan perubahan haba dan bacaan thermometer. *Diagram 11.1 shows a student activity in a laboratory to identify the types of reaction based on heat change and thermometer readings.*



Rajah 11.1  
Diagram 11.1

Tindak balas melarutkan pepejal ammonium nitrat ke dalam air merupakan satu tindak balas endotermik.

Apakah yang dimaksudkan dengan tindak balas endotermik?

Nyatakan dua pemerhatian yang diperolehi daripada tindak balas ini.

*The reaction of dissolving solid ammonium nitrate into water is an endothermic reaction.*

*What is an endothermic reaction?*

*State two observations obtained from this reaction.*

[3 markah]  
[3 marks]

- (b) Jadual 11.2 menunjukkan haba peneutralan bagi tindak balas antara larutan kalium hidroksida, KOH dengan asid monoprotik X dan asid monoprotik Y.

*Table 11.2 shows the heat of neutralization for the reaction between potassium hydroxide solution, KOH with monoprotic acid X and monoprotic acid Y.*

Set	Jenis asid <i>Type of acid</i>	Jenis alkali <i>Type of alkali</i>	Haba peneutralan <i>Heat of neutralization</i> (kJ mol <sup>-1</sup> )
I	25 cm <sup>3</sup> acid monoprotik X 1.0 mol dm <sup>-3</sup> 25 cm <sup>3</sup> of 1.0 mol dm <sup>-3</sup> monoprotic acid X	25 cm <sup>3</sup> larutan kalium hidroksida, 1.0 mol dm <sup>-3</sup> 25 cm <sup>3</sup> of 1.0 mol dm <sup>-3</sup> potassium hydroxide solution	- 57.0
II	25 cm <sup>3</sup> acid monoprotik Y 1.0 mol dm <sup>-3</sup> 25 cm <sup>3</sup> of 1.0 mol dm <sup>-3</sup> monoprotic acid Y	25 cm <sup>3</sup> larutan kalium hidroksida, 1.0 mol dm <sup>-3</sup> 25 cm <sup>3</sup> of 1.0 mol dm <sup>-3</sup> potassium hydroxide solution	- 54.0

Jadual 11.2

Jadual 11.2

Berdasarkan Jadual 11, cadangkan asid monoprotik X dan asid monoprotik Y. Banding dan terangkan perbezaan nilai haba peneutralan bagi dua set eksperimen itu.


*Based on Table 11, suggest monoprotic acid X and monoprotic acid Y. Compare and explain the difference in the values of heat of neutralisation for the two sets of experiment.*

[5 markah]

[5 marks]



- (c) Rajah 11.3 menunjukkan gambarajah aras tenaga bagi tindakbalas antara logam M dengan larutan kuprum (II) nitrat.  
 Diagram 11.3 shows the energy level diagram for the reaction between metal M with a solution of copper (II) nitrate.



Rajah 11.3  
 Diagram 11.3

Tuliskan persamaan termokimia bagi tindak balas tersebut dan hitung perubahan suhu apabila serbuk M yang berlebihan dicampurkan kepada 100 cm<sup>3</sup> larutan kuprum(II) nitrat 0.5 mol dm<sup>-3</sup>.

[Muatan haba tentu larutan : 4.2 J g<sup>-1</sup> °C<sup>-1</sup>]

Write the thermochemical equation for the reaction and calculate the change in temperature when the excess M powder is mixed to 100 cm<sup>3</sup> of a 0.5 mol dm<sup>-3</sup> solution of copper(II) nitrate..

[Specific heat capacity of solution : 4.2 J g<sup>-1</sup> °C<sup>-1</sup>]

[4 markah]  
 [4 marks]

Imbas Saya







Maklum Balas Murid



- (d) Jadual 11.3 menunjukkan contoh larutan garam dan logam yang terdapat dalam makmal kimia.

*Table 11.3 shows examples of salt solutions and metals in chemistry laboratory.*

Jenis larutan <i>Type of solution</i>	Jenis logam <i>Type of metal</i>
 Larutan magnesium sulfat $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$ $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$ magnesium sulphate solution	 Magnesium Magnesium
 Larutan zink sulfat $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$ $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$ zinc sulphate solution	 Zink Zinc

Jadual 11.3

Table 11.3

Berdasarkan Jadual 11.3, dengan memilih satu larutan garam dan satu logam yang sesuai, huraikan satu eksperimen untuk menentukan nilai haba penyesaran logam. Penyesaran logam dilakukan dengan meletakkan satu logam ke dalam larutan garam logam yang lain.

Dalam huraian anda, berikan sebab mengapa anda memilih larutan garam dan logam tersebut.

Cadangkan satu cara bagaimana untuk mengurangkan kehilangan haba ke persekitaran sepanjang aktiviti dijalankan dan tunjukkan langkah-langkah pengiraan bagi menentukan nilai haba penyesaran logam.

*Based on Table 11.3, by choosing one suitable salt solution and one metal, describe an experiment to determine the value of heat of displacement of metal. Displacement of metal is carried out by adding a metal into a salt solution of another metal*

*In your description, give a reason why you chose the salt solution and the metal.*

*Suggest a way how to reduce heat loss to the surrounding during the activity is carried out and show the calculation steps to determine the value of heat of metal displacement.*

[8 markah]

[8 marks]

# KERTAS 3 (4541/3)



**SENARAI SEMAK CALON**  
**CANDIDATES' CHECK LIST**

**ARAHAN :**

Anda tidak dibenarkan bekerja dengan radas bagi lima belas minit pertama. Tempoh ini hendaklah digunakan untuk menyemak senarai radas, membaca soalan dan merancang eksperimen yang akan dijalankan. Tandakan (✓) pada ruangan kotak yang disediakan untuk menyemak bahan dan radas yang sedia dan dibekalkan.

**INSTRUCTION**

*You are not allowed to work with apparatus in first fifteen minutes. This period is used to check the apparatus list, read the question and plan the experiment which is carried out. Mark (✓) in the box provided to check the material and apparatus prepared and supplied.*

**Soalan 3****Question 3**

<b>Bil Number</b>	<b>Radas / bahan Apparatus / Material</b>	<b>Kuantiti Quantity</b>	<b>Ada (✓) / Tiada (✓) Yes (✓) / No(✓)</b>
1.	Botol reagen berlabel Bahan B1 <i>Reagent bottle labelled Substance B1</i>	1	( )
2.	Botol reagen berlabel Bahan B2 <i>Reagent bottle labelled Substance B2</i>	1	( )
3.	Botol reagen berlabel Bahan B3 <i>Reagent bottle labelled Substance B3</i>	1	( )
4.	Botol reagen berlabel Bahan B4 <i>Reagent bottle labelled Substance B4</i>	1	( )
5.	Bikar 100 cm <sup>3</sup> <i>Beaker 100cm<sup>3</sup></i>	4	( )
6.	Silinder penyukat 50 cm <sup>3</sup> <i>Measuring cylinder 50 cm<sup>3</sup></i>	1	( )
7.	Bateri 1.5V <i>Battery 1.5V</i>	2	( )
8.	Pemegang bateri <i>Battery holder</i>	1	( )
9.	Rod karbon 10 cm <i>Carbon rod 10 cm</i>	2	( )
10.	Wayar penyambung dengan klip buaya <i>Connecting wire with crocodile clip</i>	2	( )
11.	Mentol <i>Bulb</i>	1	( )





- (b) Bina satu jadual untuk merekod pemerhatian terhadap keadaan mentol bagi bahan B1, B2, B3 dan B4.  
*Construct a table to record the observations on the condition of bulb for substances B1, B2, B3 and B4.*

[5 markah]  
[5 marks]

- (c) Terangkan mengapa pemerhatian apabila menggunakan bahan B1 dan B2 adalah berbeza?  
*Explain why the observation when using substance B1 and B2 are different ?*

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]  
[2 marks]

- (d) Kelaskan bahan B1, B2, B3 dan B4 kepada sebatian ion dan sebatian kovalen.  
*Classify substances B1, B2, B3 and B4 into ionic compound and covalent compound.*

[2 markah]  
[2 marks]

- (e) Jika bahan B2 digantikan dengan jus lemon, ramalkan keadaan mentol.  
Terangkan jawapan anda.  
*If substance B2 is replaced by lemon juice, predict the condition of bulb.  
Explain your answer.*

.....

.....

.....

.....


[2 markah]  
[2 marks]

KERTAS SOALAN TAMAN  
END OF QUESTION PAPER



## SKEMA JAWAPAN

<https://qr.go.page.link/EiRHE>





## MAKLUM BALAS GURU



<http://bit.do/MAKLUMBALASGURU-MIMS2021>

## MAKLUM BALAS MURID

Imbas Saya



Maklum Balas Murid



<http://bit.do/MAKLUMBALASMURID-MIMS2021>

## SENARAI PANEL

MOHD NAGUIB B ZAKARIA  
SMK DATO' AHMAD MAHER

ZAINUDIN B ABDUL RAZAK  
SMK DATO' PERDANA

HAFIZI BIN MOHAMAD  
SM SAINS TENGGU MUHAMMAD FARIS PETRA

MOHD HASHIM BIN HASBULLAH  
SMK KEDONDONG

MOHD KHAIRY BIN ABDULLAH  
SMKA FALAHIAH

MOHD TARMIZI B MAT SALLEH  
SMKA NAIM LILBANAT

ARISHAM BIN IBRAHIM  
SMK BELIMBING

CHE NORMA BINTI CHE SIDIK  
SMK MULONG

ZALEHA BINTI GHAZALI  
SMK ZAINAB I

NORAINI BINTI MOHD NASIR  
SMK KOTA

AKMALIZA BINTI MOHD SALLEH  
SM SAINS JELI

NOORIJAH BINTI JAFFAR  
SM SAINS PASIR PUTEH

## PENGHARGAAN

### ***PENASIHAT***

Mohd Hassany bin Hashim P.S.K., A.S.K.  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

### ***PEMBIMBING***

Hjh Zakiah bt Idris  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Sains Matematik  
Sektor Pembelajaran

Hj Nawawi bin Ab Rahid  
Ketua Penolong Pengarah  
Unit Sains Matematik  
Sektor Pembelajaran

### ***PENYELARAS***

Shahahanum Yanty binti Mat Hassan  
Penolong Pengarah Matematik Sains

### ***PENASIHAT EDITORIAL***

Mohd Zaid bin Mohd Zain  
Penolong Pengarah Matematik Sains

Zuriati binti Abdul Rahim  
Penolong Pengarah Matematik Sains

Che Norsuziana bt Che Omar  
Mentor TIMSS dan PISA

*Modul*  
**INSPIRASI MateSn**  
*(Matematik & Sains)*

Pendekatan pembelajaran sendiri berasaskan latihan berstruktur yang memenuhi format baharu KSSM.

**KIMIA**

**S P M**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

© SEKTOR PEMBELAJARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN